

Tiga tahun naik taraf Sungai Jelok

KOSMO 11/11/2006

Oleh NURULANUAR MANSOR
nurulanuar@kosmo.com.my

KAJANG - Sungai Jelok yang sering menyebabkan banjir di bandar Kajang akan dinaik taraf dalam satu projek pembangunan berperingkat untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Zainal Abidin

Arshad menjelaskan, kerja-kerja naik taraf itu akan dijalankan oleh kontraktor Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor.

Katanya, ia bakal menambah lebar sungai yang kini 8 meter kepada 12 meter dan diharap dapat mengawal masalah banjir di Kajang untuk tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang.

Bagaimanapun, Zainal turut men-

jelaskan, pelaksanaan projek tersebut hanya akan dijalankan selepas selesainya isu pemindahan 26 peniaga dan sebuah kuil di sepanjang kawasan yang terlibat.

“Projek tersebut merupakan projek JPS dan mereka sehingga kini masih belum memberikan maklumat-maklumat teknikal mengenai kepada MPKj.

“Sehingga maklumat berkenaan

diberikan barulah MPKj dapat merancang tindakan bagi membantu mereka yang terjejas dengan pelaksanaan projek itu,” ketika ditemui wartawan selepas mesyuarat penuh MPKj di sini semalam.

Selain itu, Zainal turut memaklumkan sejumlah RM400,000 diluluskan untuk kerja-kerja penyelenggaraan longkang monsun di bawah pentadbirannya.

Jelas beliau, walaupun peruntukan itu kurang daripada permohonan asal sebanyak RM1 juta, ia memadai untuk memulakan kerja-kerja peringkat penyelenggaraan tersebut.

“Kawasan di bawah pentadbiran MPKj luas dan kalau mahu diikuti, kerja-kerja selenggara itu bakal menelan belanja RM3 juta hingga RM4 juta,” katanya.